

Pengkomersialan Dakwah

© Muhammad Haniff Hassan

Islam menggalakkan usaha penyebaran ilmu. Ini dibuktikan dengan dalil-dalil berikut:

Firman Allah taala yang bermaksud:

“Sesungguhnya mereka yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk setelah kami terangkannya kepada manusia di dalam kitab, mereka itu dilaknat Allah dan dilaknat mereka yang melaknat”
(Al-Baqarah : 159)

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa yang menyembunyikan ilmu dia akan dicabut di hari Kiamat kelak dengan cabuk api neraka” (Riwayat Ahmad)

Ulama telah sepakat bahawa menyembunyikan ilmu adalah haram dan berdosa dan menyampaikan ilmu adalah wajib. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

“Sampaikanlah dariku walau satu ayat” (Riwayat Al-Bukhari)

Islam menganggap usaha menyebarkan ilmu adalah sebahagian dari tugas suci dakwah. Allah taala berfirman yang bermaksud:

“Wahai Nabi! sampaikanlah apa yang diturunkan kepada kamu, jika kamu tidak melakukannya maka kamu tidak menyampaikan risalahNya”(Al-Maidah: 67)

Oleh itu, usaha penyebaran ilmu terikat dengan garispandu-garispandu dakwah yang Allah letakkan ke atas RasulNya. Antaranya ialah firman Allah taala yang bermaksud:

“Dan jangan kau berikan sesuatu dengan mengharapkan balasan yang banyak” (Al-Muddatsir: 6)

“Sesungguhnya balasan bagiku hanyalah kepada Allah”(Yunus: 73)

Berdasarkan kepada hakikat di ataslah para ulama dahulu menghukumkan bahawa mengambil upah untuk melakukan dakwah dalam penyebaran ilmu adalah tidak dibenarkan pada hukum asal. Mereka berhujah juga bahawa dakwah adalah wajib, sesuatu kewajiban yang perlu ditunaikan tidak boleh diambil upah.

Hakikat ini telah diterima oleh umat Islam sehingga terbina dalam diri mereka tanggapan bahawa

- Dakwah dan penyebaran ilmu adalah tugas keagamaan.

- Oleh itu ia adalah tugas yang suci (*sacred*).
- Untuk memelihara kesuciannya ia perlu dilakukan dengan penuh keikhlasan dan jauh dari matlamat keduniaan.
- Mengambil upah untuk melakukan tugas ini adalah tercela dan bertentangan dengan hakikat di atas.

Tanggapan ini terus dipegang hingga ke hari ini bahkan berkembang sehingga timbul semacam sinis dan penolakan (*rejection*) terhadap segala bentuk atau unsur-unsur pengambilan upah/untung (*profiteering*) dalam usaha dakwah dan penyebaran ilmu oleh para pendakwah dan pertubuhan dakwah. Maka wujud tanggapan ke atas pendakwah tertentu dan pertubuhan dakwah bahawa tugas wajib ini telah dijadikan sebagai perkhidmatan ekonomi (*economic services*) lalu timbulah istilah dan jolokan seperti dakwah komersial, pendakwah dan pertubuhan dakwah korporat.

Artikel ini bukan bertujuan untuk membela para pendakwah yang meletakkan bayaran perkhidmatan yang tinggi atas usahanya sebagaimana yang ditimbulkan di akhbar baru-baru ini atau menolakkan pendapat para ulama silam tetapi ia bertujuan untuk memberi pelbagai perspektif agar satu hukuman yang adil dapat diwujudkan.

Jika kita mengkaji dengan mendalam isu ini, kita akan dapati bahawa pendapat ulama yang dinyatakan di atas bukanlah mutlak. Ertinya di sana ada ikhtilaf pendapat di kalangan ulama dalam isu ini. Ini kerana wujudnya dalil yang membolehkannya seperti hadits yang diriwayatkan oleh Sahih al Bukhari di dalam Bab Upah dan Perubatan bahawa sahabat pernah menyembuhkan orang yang sakit dengan menjampikan Al-Fatihah kepadanya dengan mensyaratkan upah beberapa ekor kambing. Apabila perkara ini ditanyakan kepada Rasulullah s.a.w beliau tertawa dan meminta bahagian dari kambing itu bahkan beliau bersabda dalam satu riwayat yang bermaksud, “*Sesungguhnya sebik-baik perkara yang kamu mengambil upah dengannya ialah Kitab Allah.*”

Di dalam kitab Fathul Bari’ Bab Upah di bawah tajuk Mengambil Upah Dari Al-Fatihah diriwayatkan pendapat Hasan Al-Basri bahawa mengambil upah dalam mengajar Al-Quran adalah harus dan mensyaratkan upah adalah makruh begitu juga pendapat Imam asy Sya’bi.

Ali As-Sabuni di dalam bukunya Tafsir Ayat-ayat Hukum dalam mensyarahkan ayat 159 dari surah al Baqarah mengatakan bahawa jumhur ulama mutaakhirin mengharuskan pengambilan upah bagi mengajar ilmu dan dakwah.

Oleh itu, mengambil upah dalam kerja dakwah ini dan mencari nafkah kehidupan darinya tidak semestinya tercela dan haram.

Untuk menilai isu ini dengan wajar ia memerlukan kefahaman kepada realiti masyarakat dahulu dan sekarang dengan keseluruhan prinsip-prinsip Islam.

Jika kita meninjau pendapat golongan ulama yang pertama kita dapati bahawa Islam di satu sudut tidak membolehkan para pendakwah dan ulama mengambil upah dari tugas

dakwah dan penyebaran ilmu tetapi dari sudut lain pula Islam menuntut dari umatnya agar berinfaq di jalan Allah untuk menampung usaha-usaha dakwah. Kedua-dua ini saling mengimbangi dalam konteks masyarakat dahulu. Walaupun para pendakwah tidak mengambil upah atas usaha mereka sebagai pengorbanan mereka di jalan Allah namun kehidupan keduniaan mereka tidak terjejas kerana ia dimbangi oleh sikap masyarakat yang mengorbankan harta mereka melalui infaq, zakat, sedekah, waqaf dan lain-lain di jalan Allah maka berlimpahlah wang di Baitul Mal untuk menampung kehidupan para pendakwah. Ini kerana penghayatan Islam oleh masyarakat di masa itu masih lagi bersifat syumul. Tambahan pula umumnya kehidupan di masa itu agak sederhana kerana luasnya amalan zuhud dan sistem-sistem kehidupan yang tidak kompleks.

Kini keseimbangan yang wujud seperti di atas telah tiada kerana kepincangan dalam penghayatan Islam. Adalah tidak adil menuntut para pendakwah dan pertubuhan dakwah berkorban untuk tidak mengenakan upah atas usaha mereka sedangkan masyarakat sendiri tidak sanggup mengorbankan harta mereka di jalan Allah. Tambahan pula dengan kehidupan yang kompleks pada hari ini.

Meninjau kepada tanggapan masyarakat dalam konteks yang lebih luas kita dapat wujudnya semacam krisis tanggapan dalam diri mereka. Ini boleh dilihat dalam persoalan haji dan umrah.

Haji dan umrah adalah sebahagian dari kewajiban yang perlu ditunaikan oleh umat Islam sekali dalam kehidupan mereka. Hari ini usaha pengurusan haji dan umrah dilakukan secara komersil dengan bayaran ribuan dolar. Tahun demi tahun bayarannya semakin naik tidak pernah turun namun masyarakat menerimanya bahkan perangkaan menunjukkan bahawa semakin ramai orang mahu menunaikan haji dan umrah bukan hanya sekali tetapi berkali-kali. Kalau masyarakat boleh menerima hakikat ini dalam persoalan haji mengapa masyarakat tidak dapat menerima untuk dikenakan bayaran atas kursus-kursus peningkatan ilmu dan kefahaman Islam anjuran pertubuhan dakwah yang sesuai dengan mutu dan jenis perkhidmatannya sedangkan haji dan dakwah, masing-masing adalah kewajiban keagamaan.

Satu hakikat lain ialah usaha mengoperasikan dakwah dalam bentuk yang komersil tidak boleh dilihat sebagai usaha mencari untung semata-mata. Hakikatnya disebalik dari aktiviti yang bersifat *profit making*, wujud usaha untuk merendahkan kos operasi agar keuntungan dapat diperolehi secara maksima. Di sinilah terletaknya nilai positif dari usaha komersil ini kerana ia akan mendorong ke arah kecekapan (eficiency) dalam bekerja. Beroperasi secara komersil juga meletakkan pertimbangan yang tinggi terhadap kehendak dan keperluan pasaran. Ini pula akan mendorong penghasilan program yang lebih bermutu kerana masyarakat mahukan sesuatu yang *value for money*.

Di sana wujud pula perbezaan antara aktiviti komersil oleh syarikat milik individu dengan aktiviti dakwah ala komersil anjuran pertubuhan dakwah kerana yang pertama keuntungannya akan kembali kepada individu sedangkan yang kedua keuntungannya akan kembali kepada pertubuhan dakwah.

Dalam konteks yang kedua, ini akan turut menyumbang kepada perkembangan dakwah yang positif kerana ia akan digunakan untuk mempertingkatkan taraf hidup para pendakwah maka mereka tidak perlu lagi mengemis ihsan masyarakat dan mempertingkatkan mutu dakwah. Secara amnya tidak mungkin keuntungan yang diperolehi dari pertubuhan dakwah akan begitu mudah diselewengkan oleh individu-individu kerana wujudnya *check and balance* dari sudut undang-undang dan *auditing*.

Masyarakat pula tidak boleh melabelkan sesuatu usaha dakwah sebagai komersil semata-mata kerana bayaran yang tinggi dikenakan. Memang tidak wajar bagi seorang pendakwah menuntut bayaran \$500.00 bagi menyampaikan kuliah Subuh selama satu jam dan hanya memperkatakan tentang tentang fadilat-fadilat solat tetapi mungkin wajar bagi pendakwah menerima bayaran sebanyak itu untuk membentangkan kertas kajian mengenai pelaksanaan sistem kewangan Islam. Jadi jumlah bayaran yang tinggi tidak boleh dijadikan kayu ukur untuk menilai sesuatu usaha dakwah sebagai negatif.

Kayu ukur yang tepat bagi sesuatu bayaran untuk usaha dakwah ialah mutu perkhidmatan, keberkesanannya dan keperluannya bagi memenuhi kepentingan Islam. Selama mana aspek ini wujud dalam usaha seorang pendakwah dan pertubuhan dakwah maka ia adalah usaha yang positif dan wajar. Jika masyarakat tidak mahu berkorban di jalan Allah maka mereka perlu menerima implikasi ini.

Selama mana masyarakat masih lagi bersikap *double standard* terhadap usaha-usaha dakwah dengan usaha-usaha keduniaan maka tiada hak bagi mereka untuk mentohmah para pendakwah dan pertubuhan dakwah atas bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan mereka.

Mereka yang menimbulkan tohmah dan fitnah ke atas pendakwah dan pertubuhan dakwah dengan tuduhan-tuduhan yang tidak tepat maka peringatan untuk mereka ialah firman Allah taala yang bermaksud

“Dan mereka yang menyakiti orang-orang mukmin dan mukminah dengan tiada kesalahan yang dilakukan oleh mereka, sesungguhnya orang-orang itu telah memikul kebohongan dan dosa yang terang” (Al-Ahzab: 58)